

## APLIKASI MAQĀSĪD KE ATAS HUKUM MEMBAYAR ZAKAT FITRAH MENGIKUT HARGA BERAS YANG DIMAKAN

DR. MUSTAFA MAT JUBRI SHAMSUDDIN

[mussham@iium.edu.my](mailto:mussham@iium.edu.my)

Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur

*Di beberapa negeri di Malaysia, pembayaran zakat fitrah telah mengalami satu perubahan dari sudut pilihan yang diberikan kepada orang Islam. Mereka boleh memilih untuk membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan seharian kepada amil untuk diberikan kepada asnaf fakir miskin. Kajian ini bertujuan untuk mengukur keterhasilan pencapaian Maqāṣid zakat fitrah di sebalik keharusan hukum ini. Kajian ini bersandarkan kepada dua metod, secara induktif dalam mengumpul dan mencari data yang berkaitan, dan secara deduktif dalam mentafsir dan menganalisis data yang ditemui. Antara dapatan kajian ini, membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan lebih mendekati kepada keterhasilan Maqāṣid zakat fitrah iaitu menggembirakan golongan yang susah dengan berkongsi apa yang dimiliki. Kajian ini juga mendapati ada beberapa syarat yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan hukum ini agar maqāṣidnya lebih berjaya dicapai. Kajian ini menyimpulkan bahawa di samping hukum ini, kelonggaran yang diberikan kepada muslimin untuk memilih dalam pembayaran zakat ini tanpa mewajibkannya juga menepati maqāṣid zakat fitrah yang meraikan rasa tolong ansur dan tolong menolong*

**Kata kunci:** Maqāṣid, Zakat Fitrah, Harga Beras, Malaysia

### 1. Pendahuluan

Ketika mana Allah Taala menggandingkan suruhan mengerjakan solat dan menunaikan zakat dalam banyak firmanNya, di situ petunjuk yang amat jelas bahawa kewajipan kedua-duanya adalah sama secara asasnya. Jika solat yang menjadi tiang agama seorang muslim dalam kehidupannya dalam dia membina hubungannya dengan sang pencipta, maka zakat menjadi pintunya dalam dia menerima sang makhluk untuk berkongsi rezeki pemberian penciptanya.

Zakat adalah rezeki yang Allah tentukan kepada yang memerlukannya melalui pemberian yang dianugerahkan kepada orang lain. Tentu sahaja Allah Taala berkuasa memberikan rezeki tersebut langsung kepada orang yang ditentukan untuk menerimanya, namun Dia memilih untuk meletakkannya dalam apa yang diberikan kepada orang lain, agar orang itu dapat merasai nikmat memberi, dan mencontohi sifatNya sebagai Yang Maha Pemurah.

Ini amat ketara dalam pensyariatian zakat fitrah, dengan melihat waktu, orang yang menerima dan apa yang diberi, ibadah ini adalah manifestasi kepada sifat kesantunan dan keprihatinan sesama saudara seagama untuk bergembira di hari raya. Setelah melalui perubahan zaman dan suasana, pelbagai ijthad telah dilakukan demi menambahbaik pelaksanaan zakat fitrah. Di Malaysia khususnya, zakat fitrah dikelola oleh institusi zakat dari aspek pengumpulan (*al-Jibāyah*) sehinggalah kepada pengagihan (*al-Tawzī*). Jika dahulu zakat fitrah dibayar dengan menggunakan beras kepada amil, kini ia dilaksanakan dengan cara yang baharu, seperti pembayaran atas talian, penggunaan resit pembayaran dan sebagainya.

Antara pembaharuan yang berlaku, beberapa kerajaan negeri telah melaksanakan pembayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan oleh pembayarnya. Pembayar boleh memilih kadar bayaran zakatnya mengikut harga beras yang dimakan olehnya dan seisi keluarganya. Maka, akan berlaku perbezaan kadar zakat fitrah yang dibayar oleh seorang individu dengan individu yang lain berdasarkan pilihan jenis beras yang dimakan dalam makanan

sehariannya. Tiada lagi penyeragaman seperti yang berlaku dahulu, di mana hanya ada satu kadar zakat fitrah dengan melihat jenis beras yang dimakan oleh kebanyakan penduduk negeri tersebut.

### **1.1. Permasalahan Kajian dan Persoalannya**

Hukum membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan dengan cara dan kaedahnya merupakan ijtihad yang meraikan kemaslahatan setempat. Memandangkan setiap hukum syarak mempunyai maqāsid yang dicapai hasil pengamalannya, hukum ini juga tidak tertakluk dengan keterhasilan maqāsidnya setelah ia dilaksanakan. Secara umumnya, hukum ini termasuk dalam pensyariatan yang menuju maqāsid Allah di sebalik kewajipan zakat ke atas hamba-hambanya, iaitu pemeliharaan harta (*Hifz al-Māl*), dan di sebalik kewajipan zakat fitrah iaitu membantu orang fakir miskin (*Muwāsāh al-Faqīr*). Namun, pelaksanaannya yang melibatkan ijtihad dalam meraikan faktor tempat dan keadaan, memerlukan satu penilaian yang tuntas, demi mengukur kecapaian masalah secara umum dan maqāsid secara khusus dalam pelaksanaan hukum ini. Justeru itu, kajian ini mengamati pelaksanaan hukum membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan dengan menumpukan kepada kecapaian maqāsid di sebaliknya. Secara hipotesisnya, ia mungkin mencapai maqāsid atau tidak mencapainya, dan kedua-duanya memerlukan saranan dan cadangan agar pelaksanaan hukum ini benar-benar kemaslahatan yang membawa kepada kemaslahatan.

Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini akan menjawab beberapa persoalan iaitu, apakah pengertian aplikasi maqāsid? Apakah hukum zakat fitrah dan maqāsid di sebalik pensyariatannya? Bagaimanakah zakat fitrah mengikut harga beras dilaksanakan? Bagaimanakah maqāsid diaplikasikan ke atas hukum zakat fitrah mengikut harga beras?

### **1.2. Metodologi Kajian**

Kajian ini bersandarkan kepada dua metod:

- i. Metod induktif dalam mengumpul dan mencari data yang berkaitan, dengan menyoroti kajian-kajian dalam bidang fiqh dan maqāsid, dan kajian-kajian dalam isu pembayaran zakat fitrah mengikut harga beras di Malaysia.
- ii. Metod deduktif dalam mentafsir dan menganalisis data yang ditemui, dengan mengamati dan meneliti pendapat dan hujah, pemahaman dan dalil, untuk menyimpulkan penghasilan yang meraikan kekuatan sandaran dan keabsahan pengambil kiraan masalah yang lebih besar, dalam isu pembayaran zakat fitrah mengikut harga beras di Malaysia.

### **1.2. Kajian Terdahulu**

Menyoroti kajian-kajian terdahulu yang diperolehi melalui carian atas talian, terdapat beberapa penulisan yang berkait dengan perkara yang diperbahaskan dalam kajian ini.

Antaranya, kajian Muḥammad al-Ṭāhir al-Mīṣawī dan ‘Uthmān bin ‘Ibrāhīm Ghurghudū (2014) yang bertajuk “*Nazarāt Maqāsidīyah Shar‘īyyah Fī ‘Aḥkām Zakāh al-Fiṭr*”. Penulis menyebut hikmah pensyariatan zakat fitrah dan beberapa maqāsid di sebalik hukum-hukum dalam zakat fitrah seperti maqāsid kadar nisabnya, maqāsid waktu pengeluarannya dan maqāsid makanan yang wajib dikeluarkan.

Dalam kajian Abdul Hadi Awang dan lain-lain (2016) yang bertajuk “*Penetapan Kadar Zakat Fitrah Di Malaysia: Isu dan Cabaran*”, penulis menjelaskan bahawa kadar zakat fitrah di Malaysia telah ditentukan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Ini bergantung kepada kaedah penetapan dan harga runcit beras yang dijual di tempat masing-masing, yang menyebabkan ketidakselarasan kadar zakat fitrah antara negeri-negeri di Malaysia.

Kajian yang bertajuk “*Analisis Hukum Penggunaan Nilai Wang Dalam Pembayaran Zakat Fitrah Di Malaysia*” oleh Azri Bhari dan lain-lain (2017) pula menyatakan bahawa pembayaran zakat fitrah menggunakan nilai wang menggantikan satu gantang beras di Malaysia adalah contoh fatwa yang mengambil kira pandangan di luar kerangka mazhab Syafie. Ini adalah berasaskan pertimbangan masalah yang bertujuan untuk mencapai maqāsid syariah dalam pensyariatan zakat fitrah.

Terdapat dua kajian terdahulu yang menyentuh perbincangan zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan, yang pertama bertajuk “*Bayaran Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras Yang Dimakan Dan Peranan Medium Promosi: Kajian Di Lembaga Zakat Selangor (LZS) Cawangan Kajang, Selangor*” oleh Mohd Shairazi Akmal Mohd Razali & Hairunnizam Wahid (2019). Manakala yang kedua pula bertajuk “*Pembayaran Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras Yang Dimakan Dan Peranan Amil Kariah: Satu Kajian Di Daerah Hulu Langat, Selangor*” oleh Sayidah Nafisah Abdul Rahman & Hairunnizam Wahid (2019). Kajian pertama menjurus kepada keberkesanan kempen galakan membayar zakat fitrah mengikut beras yang dimakan di kalangan pembayar zakat di cawangan Kajang yang dijalankan oleh LZS. Manakala kajian kedua pula mengkaji kesedaran pembayar zakat untuk membayar zakat fitrah mengikut beras yang dimakan dan faktor peranan amil dalam menjayakan kempen galakan ini.

Kajian lain yang ditulis oleh Khalūq Dayf Allāh ‘Āghā dan lain-lain (2019) bertajuk “*al-Maqāsid al-Juz’iyyah Li Maqṣad al-Tazkiyyah: Zakāt al-Fiṭr ‘Unmūzajan*”. Ia mengkaji tujuan penyucian (*Maqṣad al-Tazkiyyah*) di sebalik pensyariatan ibadat secara umum dan zakat fitrah secara khusus. Penyucian yang terhasil dalam hukum zakat fitrah dilihat dari sudut ia membersihkan jiwa orang yang berpuasa dan amalannya, dan ia menggilap rasa kebertanggungjawaban terhadap pengurusan harta dalam keluarga.

Sebagai kesimpulannya, kajian-kajian terdahulu masih belum membincangkan apa yang menjadi subjek perbincangan dalam kajian ini iaitu penelitian ke atas hukum membayar zakat mengikut beras yang dimakan dari sudut aplikasi maqāsid.

## **2. Aplikasi Maqāsid**

Sebelum mendalami subjek kajian, di awal ini dibentangkan dahulu kaedah yang digunakan untuk menyelidiki dan mempelajarinya. Kajian ini menjadikan maqāsid sebagai aplikasi kaedah ke atas pelaksanaan hukum membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan.

### **2.1. Pengertian Aplikasi Maqāsid**

Istilah maqāsid adalah perkataan Arab yang berasal dari kata dasar *qaṣada* yang membawa makna mendatangi sesuatu (Ibn Fāris, 1979, 5/95), dan menuju ke arah sesuatu (Ibn Manzūr, 1993, 3/353). Maqāsid pula adalah kata majmuk kepada perkataan *maqṣad* yang bererti tempat yang didatangi dan ditujui (al-Fayyūmī, 1987, 192), dan makna atau maksud percakapan (al-Fārābī 1987, 6/2446). Secara ringkasnya, maqāsid menurut makna bahasanya merujuk kepada apa yang ditujui dan dikehendaki di sebalik perbuatan atau perkataan.

Manakala konotasinya di kalangan sarjana Islam kontemporari seperti ‘Ibn ‘Āshūr (2004, 3/165) yang memberi takrif maqāsid bahawa ia adalah makna dan hikmah yang diambil kira oleh Allah dalam kesemua keadaan pensyariatan atau kebanyakannya. Al-Fāsī (1993, 7) pula mendefinisikan bahawa ia adalah tujuan Shari’ah dan rahsia yang Allah tentukan di setiap hukum dari hukum hakamNya. ‘Ibn Bayyah (2006, 14-20) menyimpulkan definisi maqāsid secara teknikalnya kepada tiga makna pertama: apa yang dikehendaki oleh Allah dari pensyariatan hukum, kedua: hukum yang mengandungi kebaikan dan keburukan, dan ketiga: niat para mukalaf

dan kemahuan mereka dalam amalan. Kesimpulannya, maqāsid ialah apa yang Allah kehendaki kepada manusia dari kemaslahatan dunia dan akhirat di sebalik pensyariatian dalam agama Islam.

Aplikasi maqāsid difahami secara mudahnya sebagai satu mekanisme menilai hukum perbuatan mukalaf dari sudut ia mencapai tujuan yang dikehendaki Allah di sebalik pensyariatannya. Ini kerana, syarak mempunyai dua kehendak (*murād*) dalam pensyariatian hukum, kehendak pertama merupakan hukum itu sendiri, yang mana Allah berkehendakkan sesuatu itu halal dan sesuatu yang lain itu haram. Kehendak kedua pula merupakan apa yang terhasil selepas hukum itu, yang mana Allah berkehendakkan sesuatu yang baik itu menghasilkan kebaikan juga, yang buruk itu menghasilkan keburukan juga. Kedua-dua kehendak ini adalah tuntutan Allah yang menyempurnakan sistem aturan ciptaanNya, bahawa hukum itu menyampaikan kepada maqṣad dan maqṣad itu bersandar kepada hukum.

## 2.2. Kaedah-Kaedah Aplikasi Maqāsid

Untuk diamalkan ke atas penilaian sesuatu hukum, aplikasi maqāsid memerlukan kaedah-kaedah tertentu, antaranya seperti berikut:

- i. Kehendak (*qaṣd*) Allah itu mengawal makhluk dengan aturan umum (Al-Shātībī, 1997, 4/14): Segala pensyariatian yang ada dalam agama Islam adalah bertujuan untuk mengatur kehidupan manusia di dunia dan akhirat, agar manusia mendapat kebaikan dan terhindar dari keburukan. Dengan adanya aturan, perilaku manusia boleh dipandu dan dibatas dengan mengetahui apa yang dibolehkan dan apa yang tidak dibolehkan. Contohnya, hukum halal dan haram dalam makanan menjadikan seseorang itu terpimpin dari sudut pemakanannya, lalu dia mengambil apa yang diharuskan dan meninggalkan apa yang dilarang.
- ii. Menghilangkan kemudaran lebih utama daripada mendatangkan kemaslahatan (‘Ibn Nujaym, 1999, 78): Aturan yang dikehendaki Allah dalam pensyariatian hukum terjelma dalam bentuk ia bertujuan untuk mendatangkan kemaslahatan (*jalb al-maṣlahah*) atau menghilangkan kemudaran (*dar’ al-mafṣadah*). Sekiranya ada kemestian untuk memilih antara keduanya, maka menghilangkan kemudaran lebih diutamakan daripada mendatangkan kemaslahatan, kerana apabila hilangnya kemudaran pasti akan adanya kemaslahatan. Contohnya, jika seseorang perlu memilih antara membeli ubat atau membeli alatan sukan, maka keutamaan diberikan kepada yang pertama kerana ia menghilangkan kemudaran penyakit. Ini kerana, sekiranya penyakitnya sembuh dengan ubat ini, maka kemaslahatan kesihatan pasti akan terhasil baginya.
- iii. Kemaslahatan umum lebih diutamakan daripada kemaslahatan khusus (Al-Shātībī, 1997, 3/89): Pada ketika mendatangkan kemaslahatan itu sebagai tujuan pensyariatian, ia mungkin untuk menghasilkan kemaslahatan umum yang meliputi ramai orang atau kemaslahatan khusus yang tertumpu kepada seorang individu. Jika ada kemestian untuk memilih antara keduanya, maka kemaslahatan umum lebih diutamakan daripada kemaslahatan khusus, kerana yang pertama pasti akan membawa yang kedua. Contohnya, seorang yang mempunyai sekeping tanah miliknya yang digunakan untuk tanaman, akan tetapi tanah tersebut diperlukan oleh pemerintah untuk pembinaan hospital. Kemaslahatan yang terhasil daripada sebuah hospital adalah umum dan ia kemaslahatan juga kepada pemilik tanah tersebut, namun kemaslahatan yang terhasil daripada apa yang diusahakan adalah khusus kepadanya.
- iv. Kemaslahatan dan kemudaran terbahagi kepada tujuan (*maqāsid*) dan jalan (*wasā’il*) (‘Ibn ‘Abd al-Salām, 1991, 1/53): Kemaslahatan dan kemudaran ada yang kerana mempertimbangkan apa yang ada dalam diri sesuatu perbuatan, dan ada yang kerana

mempertimbangkan apa yang berlaku disebabkan. Keadaan yang pertama dinamakan *maqāsid*, manakala keadaan yang kedua pula dinamakan *wasā'il*, kerana jika sesuatu perbuatan itu mengandungi kemaslahatan atau kemudharatan dan kerana kemaslahatan atau kemudharatan itu ia diberikan hukum, maka ia adalah tujuan. Namun, jika sesuatu perbuatan itu membawa kepada kemaslahatan atau kemudharatan dan kerana kemaslahatan atau kemudharatan itu ia diberikan hukum, maka ia adalah jalan. Contohnya, membeli 3 kilo gula itu dihukumkan harus kerana kemaslahatan yang dilihat dalam diri perbuatan tersebut, namun ia dihukumkan haram kerana ia jalan kepada kemudharatan yang berlaku kepada orang lain, maka dengan itu pihak pemerintah menghadkan kadar belian gula bagi setiap isi rumah.

v. Jalan (*wasīlah*) bagi apa yang dikehendaki (*maqṣūd*) mengikut hukum apa yang dikehendaki tersebut ('Ibn al-Qayyim, 1991, 3/108): Ini melengkapkan apa yang disebut sebelum ini bahawa kemaslahatan dan kemudharatan itu terbahagi kepada tujuan dan jalan. Dengan memfokuskan kepada jalan (*wasīlah*), hukum yang diberikan kepadanya bergantung kepada tingkatan kemaslahatan dan kemudharatan yang terhasil akibatnya. Ini menunjukkan kepada apa yang terhasil itu lebih diutamakan berbanding apa yang terkandung dalam diri perbuatan, lantas kemaslahatan dan kemudharatan yang ada dalam diri tersebut tidak diambil kira. Contohnya, menjalani pembedahan dan melakukannya itu mengandungi kemudharatan dalam diri perbuatannya, namun ia jalan kepada penyembuhan penyakit dan menyelamatkan nyawa. Sekiranya, penyembuhan benar-benar dipastikan terhasil daripada pembedahan ini, maka perlakuan tersebut dihukumkan wajib kerana mempertimbangkan kewajipan menyembuhkan penyakit dan menyelamatkan nyawa manusia.

Kesimpulannya, aplikasi *maqāsid* melalui kaedah-kaedah ini terjelma dalam proses pemahaman bahawa adanya hukum dan *maqāsid* bagi perbuatan manusia adalah aturan Allah dari sudut ia mendatangkan kemaslahatan dan menghilangkan kemudharatan. Perbuatan manusia pula dilihat dari dua sudut, pertama ia sebagai tujuan penghukuman dengan melihat kepada dirinya, dan kedua ia sebagai jalan kepada penghukuman dengan melihat kepada kesan akibatnya.

### 3. Hukum Zakat Fitrah dan Maqāsidnya

Menurut al-Zuhaylī (2011, 2/95) zakat fitrah boleh ditakrifkan sebagai kadar tertentu daripada harta yang wajib dikeluarkan ketika terbenamnya matahari pada hari terakhir bulan Ramadhan dengan syarat-syarat tertentu ke atas setiap mukalaf dan orang yang di bawah tanggungannya. Perkataan 'fitrah' atau *al-Fiṭr* yang digabungkan bersama perkataan zakat itu menunjukkan bahawa *al-Fiṭr* ini adalah sebagai sebab kepada kewajibannya (al-Bahūtī, 1982, 2/45) atau syarat kepadanya ('Ibn 'Ābidīn, 2003, 3/309).

#### 3.1. Hukum Zakat Fitrah

Secara umumnya, hukum zakat fitrah termasuk dalam nas-nas yang memerintahkan pengeluaran zakat yang sering digandingkan dengan perintah mendirikan solat. Nas-nas ini amat jelas dan terang dalam mewajibkan zakat ke atas muslim, bahkan perkara ini menjadi salah satu rukun agama Islam yang lima.

Secara khususnya pula, kewajipan membayar zakat fitrah ini berdalilkan hadis yang bermaksud "*Rasulullah s.a.w. telah memfardukan zakat fitrah sekadar satu gantang tamar atau satu gantang barli*" (al-Bukhārī, 2001, 2/130). Hukum ini juga telah diijmakkan oleh ulamak seperti yang disebut oleh 'Ibn al-Munzir (1999, 55) bahawa para ulamak telah bersepakat mengenai kewajipan zakat fitrah ke atas diri mukalaf dan tanggungannya. Atas dasar ini, tidak

seharusnya seorang muslim itu memandang ringan akan kewajipan menunaikan zakat fitrah, apatah lagi dengan segala kemudahan yang tersedia pada zaman ini.

### 3.2. Perbezaan Zakat Fitrah Dengan Zakat Harta

Sekalipun zakat fitrah merupakan salah satu jenis zakat, di sana terdapat perbezaan antara keduanya yang memberi kesan kepada hukum dan pelaksanaannya. Antara perbezaan ini:

- i. Zakat harta sebab kepada hukumnya adalah harta, manakala zakat fitrah sebab kepada hukumnya adalah diri manusia.
- ii. Zakat harta disyaratkan nisab dan haul, manakala zakat fitrah tidak disyaratkan nisab dan haul (Shams al-Dīn, 2016, 251).
- iii. Zakat harta mengikut jenis harta yang wajib ke atas zakat, manakala zakat fitrah hanya satu jenis harta yang wajib dikeluarkan (Shams al-Dīn, 2016, 250).
- iv. Zakat harta diagihkan kepada asnaf yang lapan, manakala zakat fitrah mengikut pandangan sebahagian ulamak dikhususkan kepada fakir miskin sahaja (Wizārah, 1992, 23/344).

<i>Perbezaan</i>	<i>Zakat Harta</i>	<i>Zakat Fitrah</i>
Sebab kewajipan	Harta	Diri
Syarat nisab dan haul	Ada	Tiada
Jenis harta yang dikeluarkan	Pelbagai mengikut jenisnya	Satu sahaja
Asnaf penerima	Lapan golongan	Fakir miskin (menurut sebahagian ulamak)

Rajah 1: Perbezaan Zakat Harta Dengan Zakat Fitrah

### 3.3. Hukum Membayar Zakat Fitrah Dengan Nilai Wang

Permasalahan yang sering diperbahaskan dalam pelaksanaan zakat fitrah di Malaysia adalah hukum pembayarannya dengan nilai wang menggantikan segantang beras. Secara ringkasnya, para fuqaha' berselisih pendapat kepada dua mazhab dalam isu ini, iaitu:

- i. Mazhab Jumhur yang tidak mengharuskan nilai wang sebagai ganti zakat fitrah yang wajib dikeluarkan. Pandangan ini disokong oleh mazhab Maliki (al-Baghdādī, 1999, 1/391), mazhab Syafie (al-Māwardī, 1999, 3/179), mazhab Hanbali (' Ibn Qudāmah, 1995, 6/449) dan mazhab Zahiri (' Ibn Ḥazm, 2003, 4/259).
- ii. Mazhab Hanafi yang mengharuskan pengeluaran nilai wang sebagai ganti zakat fitrah yang wajib dikeluarkan (al-Mawṣilī, 1937, 1/124).

Perselisihan pendapat ini diasaskan atas dasar hukum zakat fitrah itu sendiri sama ada ia adalah ibadah semata-mata atau hak yang bersifat harta (al-Kāsānī, 1986, 2/70). Kedua-dua mazhab melihat sudut 'illah yang berbeza dalam hukum zakat fitrah seperti yang disebut dalam hadis terdahulu. Jumhur melihat 'illah yang terhenti di maksud makanan, lalu mereka mengharuskan pengeluaran makanan yang dimakan dan terbatas kepada tamar dan barli. Manakala Hanafiyah pula melihat 'illah yang di terhenti di maksud pemberian pada waktu yang tertentu, lalu mengharuskan pengeluaran nilai wang kerana ia mencapai maksud ini (Shams al-Dīn, 2016, 255).

Pendapat kedua ini ternyata diterima pakai oleh ramai pihak pada zaman kini termasuklah institusi zakat di Malaysia seperti negeri Selangor, Kedah dan Johor (Bhari, 2017, 302). Pentarjihan pendapat selain mazhab Syafie ini menunjukkan keterbukaan dalam bermazhab berkenaan isu-isu tertentu demi meraikan kemaslahatan yang lebih besar dan lebih sesuai dengan suasana dan keadaan semasa.

### 3.4. Maqāsid Zakat Fitrah

Zakat fitrah sebagaimana hukum-hukum fiqh yang lain disyariatkan untuk mencapai maqāsid tertentu yang dasarnya adalah mendatangkan kemaslahatan dan menghilangkan kemudharatan. Secara umumnya, zakat fitrah yang merupakan salah satu jenis zakat, dikehendaki Allah untuk merealisasikan maqāsid zakat.

Al- Shātibī (1997, 2/18-19) menyebut bahawa ibadat-ibadat yang teras seperti beriman, mengucap syahadah, solat, zakat, puasa, haji dan seumpamanya menyempurnakan pemeliharaan agama. 'Ibn 'Āshūr (2004, 1/681) pula memasukkan ibadah zakat itu antara pensyariatan hukum untuk mencapai maksud memenuhi keperluan (*al-muwāsāh*) orang yang kekurangan. Maqāsid zakat yang lain seperti yang disenaraikan oleh al-'Akāyalah (2019, 1473) termasuklah tolong-menolong, mengukuhkan ikatan kemasyarakatan, melaksanakan hak keperluan, memelihara diri orang yang menerima zakat, membersihkan hati dari sifat kedekut dan dengki, dan menyucikan dan memelihara harta. Zakat fitrah yang merupakan satu jenis zakat juga disyariatkan untuk mencapai tujuan-tujuan ini.

Perbezaan antara zakat fitrah dan zakat harta seperti yang disebut sebelum ini memberikan zakat fitrah maqāsid yang khusus baginya. Menurut 'Āghā (2020, 218) maqāsid zakat fitrah telah disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a., bahawa beliau berkata “*Rasulullah s.a.w. telah menfardukan zakat fitrah sebagai penyucian bagi orang yang berpuasa dari kelalaian dan kekejian, dan sebagai makanan kepada orang miskin*” ('Abū Dāwūd, 2009, 3/54). Dari hadis ini, zakat fitrah disyariatkan untuk membersihkan ibadah puasa seorang muslim yang berkemungkinan dia telah mencemarkannya dengan perkara-perkara dosa. Di samping itu, ia menjadi hidangan makanan kepada fakir miskin pada ketika umat Islam menyambut hari raya Aidilfitri. Zakat fitrah juga menurut 'Āghā (2020, 219) mengingatkan lelaki sebagai ketua keluarga yang mencari harta akan kewajipan nafkah ke atas tanggungannya.

Al-Mīsawī (2014, 52) menambah bahawa dengan melihat kepada nisab yang wajib dikeluarkan dan jenis makanan, maqāsid zakat fitrah terjelma dalam maksud perpaduan sosial (*al-takāful al-ijtimā'i*) antara muslimin melalui perkongsian bahan yang paling asas ketika waktu bergembira. Ini disokong dengan hukum melakukannya pada hari raya Aidilfitri sahaja. Manakala maqāsid bagi kewajipan ibadah ini dengan satu gantang makanan ialah bahan ini yang paling diperlukan oleh orang miskin pada waktu sebegini, dan kadar itu kebiasaannya mencukupi untuk sehari dua bagi sebuah keluarga.

Pada hemat penulis, sebab dan syarat-syarat kewajipan zakat fitrah ini menjadi petunjuk kepada maqāsid yang dikehendaki Allah di sebalik pensyariatannya, iaitu keadilan (*al-'adl*). Ini kerana, ketika berpuasa Ramadhan ibadah ini dirasai maqāsidnya oleh si kaya dan si miskin, maka sebegitu juga ketika berhari raya. Islam mahukan ibadah ini juga dirasai maqāsidnya oleh semua melalui perkongsian apa yang menggembirakan pada waktu seperti itu, iaitu makanan. Inilah keadilan yang syarak kehendaki dalam pensyariatan hukum-hukumnya secara umum, dan dalam kefarduan zakat fitrah secara khusus.

#### **4. Keterhasilan Maqāsid Melalui Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras**

Dalam bahagian ini, penulis menumpukan kepada pengukuran pencapaian maqāsid melalui pelaksanaan hukum pembayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan. Sebelum itu, pengamatan terhadap konsep dan kaedah pelaksanaan hukum ini di Malaysia diperlukan agar pengukuran ini berdasarkan kepada pemahaman yang jelas.

##### **4.1. Konsep dan Kaedah Pembayaran Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras**

Dengan merujuk kepada pemahaman hukum ini, dasar penghukumannya dan usaha ijtihadnya, dapat disimpulkan beberapa perkara yang menggambarkan konsep permasalahan ini. Ia seperti berikut:

- i. Kewajipan membayar zakat fitrah itu secara asasnya diambil dari petunjuk nas dan kesepakatan para ulamak, dan ia bukan perkara yang dinisbahkan kepada mazhab tertentu, bahkan ia adalah salah satu rukun dan syiar agama Islam.
- ii. Kewajipan membayar zakat fitrah dengan satu gantang beras diambil dari ijtihad yang beralaskan *qiyās* dengan mengambil ‘illah dari hadis yang menyebut satu gantang tamar atau barli. Ijtihad ini diterima oleh jumhur ulamak termasuklah di kalangan mazhab Syafie yang mengatakan bahawa zakat ini dibayar dengan makanan yang biasa dimakan oleh penduduk negeri (al-Māwardī, 1999, 3/378)
- iii. Keharusan membayar zakat fitrah dengan menggunakan nilai ringgit bagi menggantikan satu gantang beras ini diambil dari mazhab Hanafi, dan majlis fatwa di Malaysia telah memutuskan keharusannya. Sebagai contoh, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 11 November 1989 telah berpendapat adalah harus kaum muslimin di negeri ini mengeluarkan zakat fitrah yang wajib ke atas mereka dengan harga beras (<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10632>).
- iv. Berkenaan kaedah penetapan harga zakat fitrah seluruh Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah memutuskan bahawa: (a) Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg, (b) Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras Vietnam White Rice bagi negeri Sabah dan Thai White Rice bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kg (JAKIM, 2015, 142).
- v. Hukum pembayaran zakat fitrah yang berbeza mengikut harga beras pula bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abū Sa‘īd al-Khudrī r.a. bahawa beliau berkata “*Kami dahulu ketika zaman Rasulullah s.a.w. mengeluarkan zakat fitrah sebanyak satu gantang makanan, dan makanan kami ketika itu ialah barli, kismis, yogurt kering dan tamar*” (al-Bukhārī, 2001, 2/131). Perkataan makanan dalam hadis ini merujuk kepada apa yang dimakan secara umum oleh penduduk di suatu tempat dan apa yang dimakan secara khusus oleh seorang individu. Ia juga merujuk kepada apa yang dimakan oleh pemberi zakat fitrah dan keluarganya, dan yang biasanya ada di rumahnya sebagai hidangan hariannya.
- vi. Memilih bayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan setakat ini dihukumkan sunat dan sekiranya pembayar zakat fitrah memilih bayaran yang lebih rendah dari gred beras dimakan ibadahnya masih dikira sah. Perkara ini mengikut hemat penulis kembali kepada dua sebab, pertama; penerima zakat fitrah dari kalangan fakir miskin kebiasaannya memakan beras dari gred yang biasa dimakan oleh kebanyakan orang, dan kedua; mewajibkan bayaran zakat fitrah mengikut beras yang dimakan akan menyukarkan penetapan yang akhirnya akan memberatkan pembayar zakat itu sendiri. Ini bertepatan dengan asas-asas hukum pensyariaan zakat yang mana ia terbina atas sifat amanah (al-Zarkashī, 1985, 1/101), kesantunan dan tolong-menolong (al-‘Umrānī, 2000, 3/396).

Merujuk kepada kaedah pembayaran zakat fitrah mengikut harga beras, penulis mendapati ada beberapa persamaan dan perbezaan antara negeri-negeri di Malaysia pada tahun 2020, memandangkan pengurusan zakat itu terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri



(MAIN). Penjelasan perkara ini seperti berikut dengan berpandukan laman sesawang MAIN bagi negeri-negeri di Malaysia:

Negeri	Pilihan Harga Beras
Johor	1. Beras Super Tempatan = RM7.00 2. Beras Import = RM10.00
Kedah	1. Beras Super Tempatan = RM5.00 2. Beras Super Spesial Tempatan = RM7.00 3. Beras Super Import, Beras Perang, Beras Pulut, Herba Ponni, Beras Wangi = RM14.00 4. Beras Basmathi, Beras Jepun, Beras Merah = RM21.00
Kelantan	1. RM7.00 2. RM14.00      Berdasarkan harga gandaan mengikut kemampuan 3. RM21.00
Melaka	1. Beras Super Tempatan Gred = RM7.00 2. Beras Super Spesial Import, Beras Basmathi, Beras Thai, Beras Siam dan Beras Gred lebih tinggi = RM14.00
Negeri Sembilan	1. RM7.00      Satu harga sahaja
Pahang	1. RM7.00      Satu harga sahaja
Pulang Pinang	1. Beras Super Spesial Tempatan, Beras Tempatan Standard, Beras Tempatan Premium, Thai White Rice, Vietnam White Rice, Pakistan White Rice dan lain-lain = RM7.00 2. Beras Wangi, Beras Basmathi dan beras yang setara = RM16.00
Perak	1. Beras Biasa = RM7.00 2. Beras Wangi, Beras Putih Import, Beras Perang, Beras Pulut, Beras Herba Poni dan seumpamanya = RM14.00 3. Beras Basmathi, Beras Jepun, Beras Merah dan seumpamanya = RM21.00
Perlis	1. RM7.00      Satu harga sahaja
Sabah	1. Beras Myanmar 15% hancur = RM6.00 2. Beras putih Vietnam 5% hancur = RM7.50
Serawak	1. RM7.00      Satu harga sahaja
Selangor	1. Beras Super Spesial Tempatan = RM7.00 2. Beras Wangi, Beras Putih Import, Beras Perang, Beras Pulut, Beras Herba Poni = RM14.00 3. Beras Basmathi, Beras Jepun, Beras Merah = RM21.00
Terengganu	1. RM7.00      Satu harga sahaja
Wilayah Persekutuan	1. Bagi yang terkesah dengan Covid-19 = RM5.00 2. Beras Super Tempatan Gred A = RM7.00

*Rajah 2: Perbandingan Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras Antara Negeri*


#### **4.2. Keterhasilan Maqāṣid Dalam Pelaksanaan Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras**

Setelah mengetahui maqāṣid zakat fitrah yang lalu, dan setelah mengamati konsep dan kaedah pelaksanaan zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan, maka kajian ini berhasrat untuk mengukur keterhasilan maqāṣid. Aplikasi maqāṣid ke atas hukum ini diperjelaskan seperti berikut:

- i. Pelaksanaan hukum ini berupaya menjadi jalan (*wasīlah*) kepada penghasilan kemaslahatan yang disebut terdahulu, bahkan beberapa tujuannya berlaku dalam keadaan yang lebih besar dan bermanfaat seperti memenuhi keperluan dan kekurangan, menyemai rasa simpati dan kasih sayang. Oleh itu cara ini lebih baik dalam mencapai maqāṣid zakat fitrah berbanding pelaksanaan yang biasa tanpa ada pilihan harga beras yang dimakan. Ini bertepatan dengan

- kaedah maqāṣid seperti yang disebut oleh 'Ibn 'Abd al-Salām (1991, 2/191) bahawa jalan yang lebih dekat untuk menyampaikan tujuannya ia lebih utama diharuskan. Bahkan pelaksanaan seperti ini mampu membawa kepada pemeliharaan beberapa kemaslahatan utama (*al-darūriyāt*) seperti pemeliharaan agama melalui mendirikan syiar Islam, pemeliharaan diri melalui bantuan makanan, dan pemeliharaan harta melalui pemilikan wang kepada yang memerlukan.
- ii. Dengan kaedah yang hampir sama, 'Ibn Taymiyah (1995, 21/308) menyebut bahawa apa yang lebih kuat dan pasti dalam menghasilkan kehendak Allah Taala maka ia lebih disukainya. Telah dinyatakan terdahulu bahawa antara maqāṣid zakat fitrah adalah keadilan dengan menzahirkan rasa kebersamaan dan persamaan ketika berpuasa dan berhari raya. Memberikan pilihan harga beras mengikut apa yang dimakan adalah lebih kuat dan pasti dalam mencapai tujuan keadilan ini berbanding tiada pilihan. Mereka yang biasa menggunakan beras yang bergred tinggi dalam makanan seharian, akan berasa adil dan sama sekiranya memberikan harga beras ini kepada yang memerlukan.
  - iii. Kemaslahatan yang terhasil daripada pelaksanaan zakat fitrah dengan ada pilihan harga beras lebih banyak berbanding pelaksanaan tanpa ada pilihan. Berdasarkan kaedah memelihara yang lebih banyak dengan meninggalkan yang lebih sedikit ('Ibn 'Abd al-Salām, 1991, 2/49), maka yang pertama itu lebih utama. Ini kerana, kesemua kemaslahatan yang terhasil daripada pembayaran zakat fitrah tanpa pilihan beras boleh terhasil dengan pembayaran dengan pilihan, bahkan yang kedua ini menghasilkan kemaslahatan yang lebih daripada yang pertama seperti memberi peluang membayar zakat lebih dari yang wajib, mendidik rasa amanah dalam memilih dan bertanggungjawab dalam menentukan jumlah bayaran.
  - iv. Pelaksanaan hukum ini juga bertepatan dengan kaedah mendahulukan menghilangkan kemudaratannya daripada menghasilkan kemaslahatan ('Ibn Nujaym, 1999, 78). Kemudaratannya di sini adalah kesempitan dan kekurangan yang menyebabkan kesedihan dan kegusaran orang fakir miskin ketika berhari raya. Manakala kemaslahatan di sini adalah memelihara harta pembayar zakat fitrah daripada membayar mengikut harga beras yang dimakan tetapi mengikut harga minimum yang telah ditetapkan. Ketika pembayar zakat fitrah mempunyai pilihan untuk membayar mengikut harga beras yang dimakan dan melakukan pilihan tersebut, kemudaratannya ini dapat dihilangkan sekalipun ia tidak menghasilkan kemaslahatan kepada pembayar.
  - v. Kemungkinan berlaku kesilapan dalam pembayaran oleh pembayar zakat akibat tersalah pilih jenis beras yang dimakan juga di ambil kira dalam aplikasi maqāṣid ini. Dengan bersandarkan kepada kaedah yang disebut oleh al-Suyūṭī (1990, 158) bahawa dimaafkan apa yang berlaku dalam jalan (*wasā'il*) apa yang tidak dimaafkan apa yang berlaku dalam tujuan (*maqāṣid*), kesilapan ini berlaku dalam pelaksanaan yang merupakan jalan kepada maqāṣid zakat fitrah. Kesilapan ini sama ada menyebabkan terlebih bayar atau terkurang, ia tetap menyampaikan kepada maqāṣid zakat fitrah. Tambahan lagi, pelaksanaan hukum ini boleh memungkinkan berlakunya terlebih bayar kerana tersilap memilih, berbanding pelaksanaan yang tiada pilihan.
  - vi. Pelaksanaan hukum membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan dikelola oleh institusi zakat negeri, sekalipun ia masih dikira sah sekiranya dilakukan secara bersendirian dengan membayar terus kepada asnaf. Namun, pelaksanaannya melalui institusi zakat menghasilkan kemaslahatan yang lebih umum berbanding melakukannya sendiri. Justeru itu, dengan mengambil kira kaedah pengutamaan masalah umum daripada masalah khusus (Al-Shātībī, 1997, 3/89), pelaksanaan hukum ini yang dikawal selia oleh

institusi zakat dari sudut cara, kaedah penetapan, pengenalpastian dan pengagihan, lebih mencapai masalah umum.



Rajah 3: Perbandingan Keterhasilan Maqāsid Antara Dua Cara Pelaksanaan

## 5. Kesimpulan

Antara dapatan kajian yang boleh disimpulkan di sini adalah:

- i. Aplikasi maqāsid difahami secara mudahnya sebagai satu mekanisme menilai hukum perbuatan mukalaf dari sudut ia mencapai tujuan yang dikehendaki Allah di sebalik pensyariatannya.
- ii. Sebab dan syarat-syarat kewajipan zakat fitrah menjadi petunjuk kepada maqāsid yang dikehendaki Allah di sebalik pensyariatannya, iaitu keadilan (*al-ʿadl*). Ini kerana, ketika berpuasa Ramadhan ibadah ini dirasai maqāsidnya oleh si kaya dan si miskin, maka sebegitu juga ketika berhari raya.
- iii. Memilih bayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan dihukumkan sunat kerana dua sebab, pertama; penerima zakat fitrah dari kalangan fakir miskin kebiasaannya memakan beras dari gred yang biasa dimakan oleh kebanyakan orang, dan kedua; mewajibkan bayaran zakat fitrah mengikut beras yang dimakan akan menyukarkan penetapan yang akhirnya akan memberatkan pembayar zakat itu sendiri.
- iv. Pelaksanaan hukum bayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan ini berupaya menjadi jalan (*wasīlah*) kepada penghasilan kemaslahatan yang disebut terdahulu, bahkan beberapa tujuannya berlaku dalam keadaan yang lebih besar dan bermanfaat.
- v. Kemaslahatan yang terhasil daripada pelaksanaan zakat fitrah dengan ada pilihan harga beras lebih banyak berbanding pelaksanaan tanpa ada pilihan, dan ia bersifat umum berbanding pelaksanaannya tanpa ada pilihan.
- vi. Pelaksanaan hukum bayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan ini juga bertepatan dengan kaedah mendahulukan menghilangkan kemudaratannya daripada menghasilkan kemaslahatan.

## 6. Rujukan

- ʿAbū Dāwūd, Sulaymān bin al-ʿAshʿath. (2009). Sunan ʿAbī Dāwūd. Taḥqīq: Shuʿayb al-ʿArnaʿūt. Dār al-Risālah al-ʿĀlamiyyah.
- ʿAghā, Khalūq Dayf Allāh, Muḥammad Ḥamd al-Gharāyah, Shiblī ʿAḥmad ʿUbaydāt & ʿInās Muḥammad al-Gharāyah. (2020). al- Maqāsid al-Juzʿiyyah Li Maqṣad al-Tazkiyyah: Zakāt al-Fiṭr ʿUnmūzajan. Al-Majallah al-ʿUrdūniyyah Fī al-Dirāsāt al-ʿIslāmiyyah. Vol. 16. No. 13.

- Al-‘Akāyalah, Tawfīq ‘Abd al-Rahmān. (2019). ‘Athar al-Zakāh Fī al-Ḥadd Min ‘In‘ikāsāt Taghayur al-Bī‘ah Wa ‘Āthārihā, al-Ta‘līl al-Maqāsidī Li Farīdah al-Zakāh. Al-Mu‘tamar al-Dawī al-Sābi‘ Li Markaz London Li al-Buḥūth Wa al-Dirāsāt Wa al-‘Istishārāt al-‘Ijtimā‘iyah. Bahrain.
- Al-Baghdādī, ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī. (1999). Al-‘Ishrāf ‘Alā Nukat Masā’il al-Khilāf. Taḥqīq: al-Ḥabīb bin Ṭāhir. Dār ‘Ibn Ḥazm.
- Al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus. (1982). Kashāf al-Qinā‘ ‘An Matn al-‘Iqnā‘. Taḥqīq: Hilāl Muṣaylahī Muṣṭafā. Beirut, Dār al-Fikr.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin ‘Ismā‘īl. (2001). Al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ. Taḥqīq: Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir. Beirut: Dār Ṭawq al-Najāḥ.
- Al-Fārābī, ‘Ismā‘īl bin Ḥammād. (1987). Al-Ṣiḥāḥ Ṭaj al-Lughah Wa Ṣiḥāḥ al-‘Arabīyyah. Beirut: Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn.
- Al-Fāsī, ‘Alāl bin ‘Abd al-Wahīd. (1993). Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah Wa Makārimuhā. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad. (1987). Al-Miṣbāḥ al-Munīr Fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr. Beirut: Maktabah Lubnān.
- Al-Kāsānī, ‘Alā‘ al-Dīn ‘Abū Bakr bin Mas‘ūd. (1986). Badā‘i‘ al-Ṣanā‘i‘ Fī Tartīb al-Sharā‘i‘. Beirut, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Māwardī, ‘Alī bin Muḥammad. (1999). Al-Ḥawī al-Kabīr Fī Fiqh Madhhab al-‘Imām al-Shāfi‘ī. Taḥqīq: ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mawṣilī, ‘Abdullāh bin Maḥmūd. (1937). Al-‘Ikhtiyār Li Ta‘līl al-Mukhtār. Taḥqīq: Maḥmūd ‘Abū Daqīqah. Cairo, Maṭba‘ah al-Ḥalabī.
- Al-Mīsāwī, Muḥammad Al-Ṭāhir & ‘Uthmān bin ‘Ibrāhīm Ghurghudū. (2014). Nazārāt Maqāsidīyah Shar‘īyyah Fī ‘Aḥkām Zakāh al-Fiṭr. Majallah al-‘Islām Fī ‘Āsiyā. Al-Jāmi‘ah al-‘Islāmiyyah al-‘Ālamiyyah al-Māliziyyah. Vol. 11, No. 2.
- Al-Shātibī, ‘Ibrāhīm bin Mūsā. (1997). Al-Muwāfaqāt. Taḥqīq: ‘Abī ‘Ubaydah Mashūr bin Ḥasan. Riyad: Dār ‘Ibn ‘Affān.
- Al-Suyūfī. Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abī Bakr. (1990). Al-‘Ashbāh Wa al-Nazā‘ir. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-‘Umrānī, Yaḥyā bin ‘Abī al-Khayr. (2000). Al-Bayān Fī Madhhab al-‘Imām al-Shāfi‘ī. Taḥqīq: Qāsim Muḥammad al-Nūrī. Jedah, Dār al-Minhāj.
- Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdullāh. (1985). Al-Manthūr Fī al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah. Wizārah al-‘Awqāf Wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah al-Kuwaytiyyah.
- Al-Zuhaylī, Muḥammad Muṣṭafā. (2011). Al-Mu‘tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī. Damascus, Dār al-Qalam, Beirut, al-Dār al-Shāmiyyah.
- Awang, Abdul Hadi, Nor ‘Adha Abdul Hamid, Nurkaliza Khalid, Nazifah Mustaffha, Marliana Abdullah, & Muhammad Firdaus Mohamad Sabri. (2016). Penetapan Kadar Zakat Fitrah Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. Regional Conference on Civilization & Islamic Thought (ReCIT 2016). Centre for Core Studies, Selangor International Islamic University College (KUIS).
- Bhari, Azri, Luqman Abdullah, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Ashrof Zaki Yaakob & Baharuddin Sayin. (2017). Analisis Hukum Penggunaan Nilai Wang Dalam Pembayaran Zakat Fitrah Di Malaysia. Dalam: Memperkasa Kutipan Dan Agihan Zakat Di Malaysia. Penyunting: Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman & Adibah Abdul Wahab. Penerbit USIM.
- ‘Ibn ‘Abd al-Salām, ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz. (1991). Qawā‘id al-‘Aḥkām Fī Maṣāliḥ al-‘Anām. Cairo: Maktabah al-Kulliyyāt al-‘Azhāriyyah.
- ‘Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad ‘Amīn. (2003). Radd al-Muḥtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār. Taḥqīq: ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. Riyad, Dār ‘Ālam al-Kutub.

- 'Ibn al-Munzir, 'Abū Bakr bin Muḥammad. (1999). Al-'Ijmā'. Taḥqīq: 'Abū Ḥammād Ṣaghīr Aḥmad. 'Ajmān: Maktabah al-Furqān.
- 'Ibn al-Qayyim, Muḥammad bin 'Abī Bakr. (1991). 'I'lām al-Muwaqqi'īn 'An Rabb al-'Ālamīn. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Ibn 'Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir bin Muḥammad. (2004). Maqāṣid al- Sharī'ah al-Islāmiyyah. Qatar: Wizārah al-'Awqāf.
- 'Ibn Bayyah, 'Abdullāh. (2006). 'Alāqah Maqāṣid al- Sharī'ah Bi 'Uṣūl al-Fiqh. United Kingdom: al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- 'Ibn Fāris, Aḥmad. (1979). Mu'jam Maqāyīs al-Lughah. Taḥqīq: 'Abd al-Salām Muḥammad Hārūn. Beirut: Dār al-Fikr.
- 'Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram. (1993). Lisān al-'Arab. Beirut: Dār Sādir Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr.
- 'Ibn Nuḡaym, Zayn al-Dīn bin 'Ibrāhīm. (1999). Al-'Ashbāh Wa al-Nazā'ir. Taḥqīq: Zakariyā 'Umayrāt. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Ibn Qudāmāh, 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad. (1995). Al-Sharḥ al-Kabīr. Taḥqīq: 'Abdullāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī. Cairo, Hajr Li al-Ṭibā'ah.
- 'Ibn Taymiyah, Taḥqīq al-Dīn 'Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm. (1995). Majmū' al-Fatāwā. Taḥqīq: 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad. Madinah, Majma' al-Malik Fahd.
- JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Bahagia Pengurusan Fatwa, JAKIM.
- Rahman, Sayidah Nafisah Abdul & Hairunnizam Wahid. (2019). Pembayaran Zakat Fitrah Mengikuti Harga Beras Yang Dimakan Dan Peranan Amil Kariah: Satu Kajian Di Daerah Hulu Langat, Selangor. Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 17. No 2.
- Razali, Mohd Shairazi Akmal Mohd & Hairunnizam Wahid. (2019). Bayaran Zakat Fitrah Mengikuti Harga Beras Yang Dimakan Dan Peranan Medium Promosi: Kajian Di Lembaga Zakat Selangor (LZS) Cawangan Kajang, Selangor. Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 17. No 2.
- Shams al-Dīn, Muṣṭafā bin Muḥammad Jubrī. (2016). Daf' Zakāt al-Fiṭr 'Abr al-Jihāz al-Khalawī Dirāsah Fiqhiyyah Naqdiyyah. Majallah al-Jam'iyyah al-Fiqhiyyah al-Sa'ūdiyyah. No. 34.
- Wizārah, al-'Awqāf Wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwaytiyyah. (1992). Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah. Kuwait, Ṭibā'ah Dār al-Salāsīl.